

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KUALITI HIDUP PENERIMA
BANTUAN ZAKAT ASNAF FAKIR
DAN MISKIN: KAJIAN DI KUCHING,
SARAWAK**

MOHAMAD BAZLI BIN MD RADZI

MA

Ogos 2020

DEKLARASI PENULIS

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah dijalankan mengikut peraturan Universiti teknologi MARA. Ia adalah hasil kerja saya sendiri selain petikan yang diakui sebagai rujukan sebagaimana yang telah dinyatakan. Karya ini diakui tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk mana-mana kelayakan ijazah dan kelayakan yang setara dengannya.

Saya, dengan ini mengakui bahawa saya telah mematuhi peraturan akademik dan peraturan Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang saya melaksanakan penyelidikan ini.

Nama Pelajar : Mohamad Bazli Bin Md Radzi
ID Pelajar : 2015207068
Program : Sarjana Pengajian Islam Kontemporari - IC780
Tajuk Tesis : Kualiti Hidup Penerima Bantuan Asnaf Fakir dan Miskin: Kajian Di Kuching, Sarawak

Tandatangan Pelajar : 

Tarikh : Ogos 2020

ABSTRAK

Asnaf fakir dan miskin merupakan sebahagian dari lapan asnaf yang layak mendapat bantuan zakat. Antara objektif pelaksanaan zakat ialah bagi meningkatkan pembangunan ummah dan negara. Kualiti dan tahap hidup asnaf fakir dan miskin adalah berhubung kait terhadap bantuan zakat yang diberikan. Melalui bantuan yang diberikan, akan memberi impak terhadap taraf hidup asnaf fakir dan miskin. Berdasarkan statistik jumlah agihan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak tahun 2015 hingga 2018 menunjukkan peningkatan terhadap jumlah penerima bantuan zakat yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Di samping itu, melihat kepada statistik insiden kemiskinan mengikut negeri dan strata Malaysia bagi tahun 2016, secara keseluruhannya, Sarawak berada di tempat ketiga negeri di Malaysia yang tersenarai sebagai negeri yang mempunyai peratusan kemiskinan yang tinggi selepas Sabah dan Kelantan. Berdasarkan data yang diperolehi, menunjukkan bahawa Sarawak merupakan antara negeri yang disenaraikan sebagai negeri yang direkodkan tinggi kadar kemiskinan. Sehubungan itu, dalam merungkai objektif berkenaan kualiti hidup asnaf fakir dan miskin di Sarawak, kaedah yang digunakan bagi mendapat dan mengumpul data ialah melalui kaedah kualitatif. Sejumlah 12 orang responden yang terlibat dalam temu bual dan proses pengumpulan data. Mereka terdiri daripada 2 orang pegawai dari unit agihan Tabung Baitulmal Sarawak dan 10 orang yang terdiri dari asnaf fakir dan miskin yang telah dipilih berdasarkan senarai penerima bantuan zakat yang diperolehi dari Tabung Baitulmal Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, melalui bantuan zakat yang diberikan oleh Tabung Baitulmal Sarawak, secara keseluruhannya dapat meningkatkan taraf hidup asnaf fakir dan miskin ke tahap yang lebih baik berbanding sebelum menerima bantuan. Kayu ukur yang digunakan bagi mengukur kualiti hidup dan tahap peningkatan taraf hidup asnaf ialah berdasarkan prinsip Islam yang didasari oleh konsep masalah iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* yang dipelopori oleh imam al-Ghazali dan al-Syatibi. Disamping itu, perubahan terhadap taraf hidup ke tahap yang selesa berdasarkan kepada teori Maslow turut menjadi ukuran dalam menentukan peningkatan taraf hidup asnaf fakir dan miskin. Melalui dapatan kajian, impak yang diperolehi daripada pelaksanaan kajian ialah dapat dijadikan sebagai sandaran dan penunjuk terhadap impak bantuan yang diberikan oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Melalui dapatan yang diperolehi, adalah diharapkan dapat meningkatkan kualiti penyampaian bantuan terhadap asnaf fakir dan miskin. Secara tidak langsung akan meningkatkan lagi kualiti hidup asnaf fakir dan miskin ke arah yang lebih baik.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarganya, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat. Segala puji bagi Allah SWT, tuhan pemilik semesta alam, dengan limpah dan kurniaan-Nya, yang telah mengurniakan kurniaan yang tidak terhingga kepada saya dalam menyiapkan tugas dengan sebaik yang mungkin. Tugas yang dilaksanakan bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, pelbagai ujian, dugaan dan cabaran yang ditempuhi dalam usaha untuk menyempurnakannya. Namun, atas dasar tanggungjawab dan amanah ilmu, segala cabaran dan dugaan sedaya upaya saya harungi dengan doa dan iltizam agar diberikan kekuatan yang berterusan dan berpanjangan daripada Allah SWT.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ustazah Sharifah Anom Binti Omar, selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan didikan yang tidak berbelah bagi. Dengan didikan dan tunjuk ajar yang diberikan telah memberikan saya keyakinan dan kekuatan bagi menyempurnakan kajian ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan *murabbi* dan semua kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM yang telah banyak membantu dalam memudahkan pelbagai urusan saya berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.

Setulis kasih, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada bonda tercinta Jamilah Binti Jais, ayahanda yang disayangi Md Radzi Bin Othman, isteri yang dikasihi, Dyg Norhasnita Binti Abang Hassan dan cahaya mata yang menjadi pembakar semangat, Sofia Amani. Segala jasa dan pengorbanan akan sentiasa tersemat dan terpahat dalam sanubari.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada En. Azrul Bin Nen, Pegawai dari Unit Agihan, TBS yang telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan pelaksanaan kajian. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada asnaf fakir dan miskin yang terlibat dalam membantu saya dalam pelaksanaan penyelidikan dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah bertungkus lumus membantu saya. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa baik kalian.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN EJAAN	xi
BAB SATU: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Metodologi Kajian	11
1.8 Kesimpulan	15
BAB DUA: TINJAUAN LITERATUR	
2.0 Pendahuluan	16
2.1 Zakat Dalam Islam	17
2.2 Konsep Kualiti Hidup	23
2.3 Had Kifayah	35
2.4 Instrumen Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin	38
2.5 Kajian Berkenaan Senario Permasalahan Berkaitan Asnaf	